



MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

مجلس دائريه سابك برنام

JALAN DEWAN, 45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL: 03-3007 4700

Laman web: <http://www.mdsb.gov.my>

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas **KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK NEGERI SELANGOR ATAU IBU/BAPA DILAHIRKAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN** yang berkeelayakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, dipelawa untuk memohon kekosongan jawatan di Majlis Daerah Sabak Bernam adalah seperti berikut:

Tarikh Iklan Dibuka : 23 September 2026 (Rabu)

Tarikh Iklan Ditutup : 6 Oktober 2026 (Selasa) – sebelum jam 4.00 petang

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF	KEKOSONGAN
1	Penolong Pegawai Penilaian	W5	Tetap/Kontrak	1
2	Pembantu Penguat Kuasa	KP1	Tetap/Kontrak	4

Syarat Kelayakan Dan Cara Permohonan

Syarat kelayakan dan cara permohonan bagi setiap jawatan kosong boleh didapati dengan melayari laman sesawang Majlis Daerah Sabak Bernam iaitu www.mdsb.gov.my dengan kadar bayaran RM 10.00 setiap satu borang permohonan.

“ BERDAYA · BERBAKTI · BERKUALITI ”

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sabak Bernam.

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Penilaian,
Gred W5/W6/W7
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan : Majlis Daerah Sabak Bernam
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
2. Jadual Gaji :

Minimum	:	RM 1,650.00
Maksimum	:	RM 6,620.00
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	:	RM 200.00
(mengikut kadar semasa)		
3. a) Syarat Lantikan :
 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau
 - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau
 - (iii) Diploma Pengurusan Harta Tanah atau Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,974.00).

- b) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 4. Taraf Jawatan** : Tetap/Kontrak
- 5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan** : 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- a (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - b had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- 6. Fungsi Bidang Tugas** : i) Melaksanakan kerja-kerja penilaian, pemeriksaan dan siasatan harta tanah bagi tujuan cukai taksiran, mengemaskini rekod dan maklumat pegangan serta membantu penyediaan laporan, semakan dan urusan berkaitan penilaian harta tanah.;
- ii) Boleh menerima lain-lain arahan dari semasa ke semasa
- 7. Tarikh Tutup Permohonan** : 6 Oktober 2025 (Selasa) - sebelum jam 4.00 petang

1. (a) Jawatan : Pembantu Penguat Kuasa,
Gred KP1/KP2/KP3
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan : Majlis Daerah Sabak Bernam
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam
2. Jadual Gaji : Minimum : RM 1,500.00
Maksimum : RM 4,680.00
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM 115.00
Imbuhan Tetap Perumahan : RM 300.00
Bantuan Sara Hidup : RM 200.00
(mengikut kadar semasa)
3. a) Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
- (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00).

dan b mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

b) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

: 2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan

: Tetap/Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas

- : i) Membantu melaksanakan operasi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Menjalankan rondaan, pemeriksaan dan pemantauan di kawasan pentadbiran.
- iii) Membantu menjalankan tindakan penguatkuasaan, pemeriksaan premis dan operasi bersepadu.
- iv) Membantu dalam pengeluaran notis, kompaun dan tindakan susulan terhadap kesalahan yang berkaitan.
- v) Menyediakan laporan hasil pemeriksaan dan operasi penguatkuasaan
- vi) Melaksanakan tugas lain berkaitan penguatkuasaan yang diarahkan dari semasa ke semasa.

6. Tarikh Tutup Permohonan

: 6 Oktober 2025 (Selasa) – sebelum jam 4.00 petang

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

TERTAKLUK DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Syarat Kelayakan Dan Cara Permohonan

Syarat kelayakan dan cara permohonan bagi setiap jawatan kosong boleh didapati dengan melayari laman web Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) iaitu www.mdsb.gov.my.

CARA MEMOHON:

1. Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web MDSB www.mdsb.gov.my dengan **KADAR BAYARAN RM 10.00** setiap satu borang permohonan dan cara bayaran dinyatakan di dalam borang permohonan jawatan kosong.
2. Borang permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen tersebut:-
 - i. Salinan Kad Pengenalan pemohon, ibu dan bapa;
 - ii. Salinan Sijil Kelahiran pemohon, ibu dan bapa;
 - iii. Salinan Sijil-sijil Persekolahan termasuk Sijil Tamat Persekolahan (Rendah dan Menengah);
 - iv. Salinan Kelulusan Akademik SPM/SPMV, STPM, STAM, Sijil-Sijil, Diploma, atau Ijazah (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (Sistem eSisraf) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTA/IPTS dan luar negara – jika yang berkenaan);
 - v. Transkrip keputusan peperiksaan semua semester – (jika yang berkenaan);
 - vi. Sekeping Gambar Berukuran Pasport (warna);
 - vii. Resit bayaran **ASAL** borang permohonan jawatan kosong;
 - viii. Borang Pengesahan Pemastautin (Jika melebihi 15 tahun, sila sertakan pengesahan pemastautin daripada Penghulu/Ketua Kampung/Nazir Masjid/Pengerusi Jawatankuasa Taman dan Penduduk (sekiranya pemohon atau ibu atau bapa bukan anak kelahiran Negeri Selangor);
3. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Parintah Am 21 dan Bab 'A' 1973 dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan.
4. Semua dokumen hendaklah dikepilkan dengan kemas bagi mengelakkan keciciran atau kehilangan dokumen.
5. Setiap permohonan mesti dimasukkan ke dalam sampul surat serta **nama jawatan** yang dimohon hendaklah dicatat di **sebelah kanan atas sampul surat**.

6. PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK :-

- i. Tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
 - ii. Tidak lengkap dan tidak jelas;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan;
 - iv. Tidak ditandatangani;
 - v. Diterima selepas tarikh tutup iklan; dan
 - vi. Tidak dilampirkan resit bayaran.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga bulan dari **tarikh iklan ditutup adalah tidak berjaya**. Hanya calon yang layak dan lulus tapisan sahaja akan dihubungi **untuk sesi temuduga**. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh MDSB.
8. Pemohon-pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (a) (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - (iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
(Nota : Merujuk MMKN Ke 38 Tahun 2015 pada 30/12/2015)
9. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sabak Bernam,
Jalan Dewan, 45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p: Jabatan Khidmat Pengurusan)**

**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK NEGERI SELANGOR ATAU IBU/BAPA DILAHIRKAN DI
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

Tarikh Tutup Permohonan : 6 Oktober 2025 (Selasa) - sebelum jam 4.00 petang

“ BERDAYA · BERBAKTI · BERKUALITI ”

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Sabak Bernam.